



9 Jun 2014
9 June 2014
P.U. (A) 156

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PENDAFTARAN NEGARA (PINDAAN) 2014

NATIONAL REGISTRATION (AMENDMENT) REGULATIONS 2014



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENDAFTARAN NEGARA 1959

PERATURAN-PERATURAN PENDAFTARAN NEGARA (PINDAAN) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 6 Akta Pendaftaran Negara 1959 [*Akta 78*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara (Pindaan) 2014**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 15 Jun 2014.

Pindaan peraturan 5

2. Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990 [*P.U. (A) 472/1990*] dipinda dalam peraturan 5—

(a) dengan menggantikan perkataan “; dan” di hujung subperenggan (3)(c)(ii) dengan tanda noktah;

(b) dengan memotong perenggan (3)(d); dan

(c) dengan memasukkan selepas subperaturan (3) subperaturan yang berikut:

“(3A) Walau apa pun subperaturan (3), dalam hal seseorang yang didaftarkan di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959 [*Akta 297*], Ketua Pengarah, selain boleh menyebabkan supaya dimasukkan ke dalam kad pengenalan itu suatu kod atau maklumat yang sesuai, kad pengenalan yang dikeluarkan kepada orang itu hendaklah dalam warna coklat.”.